

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, March 7, 2019 8:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Baiki Sistem Dan Proses Pilihan Raya Untuk Kejayaan Demokrasi



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

7 MAC 2019 / 30 JAMADILAKHIR 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

BAIKI SISTEM DAN PROSES PILIHAN RAYA UNTUK KEJAYAAN DEMOKRASI



UUM ONLINE: "Jika mahukan demokrasi yang betul, sistem dan proses pilihan raya negara haruslah betul," kata Pengerusi Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-Undang

Pilihan Raya (ERC), Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman dalam Syarahan Umum: Pembaikan Sistem dan Undang-Undang Pilihan Raya di Malaysia di Auditorium Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS), semalam.

Menurut bekas Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu, sistem pilihan raya Malaysia masih lagi tidak lengkap yang mana undang-undang pilihan raya negara dilihat hanya 30 peratus yang demokratik, 60 peratus lagi 'hilang' dan 10 peratus adalah perkara yang tidak patut ada tetapi diadakan dan sebaliknya.

Katanya, undang-undang yang diguna pakai sekarang telah lama wujud sejak zaman merdeka lagi dan ia tidak pernah dikaji semula atau distruktur, melainkan dilakukan sedikit perubahan pada prosedur sahaja.

"Sistem pilihan raya adalah tonggak kepada demokrasi yang mana sekiranya ia gagal, maka demokrasi itu juga dianggap telah gagal dan sekian lama saya nantikan saat ini apabila kerajaan ingin mengadakan pembaharuan institusi yang mana semua institusi demokratik seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan dikaji semula secara lebih mendalam.

"Justeru, ERC ditubuhkan bagi mengemukakan laporan konklusif berserta cadangan penambahbaikan sistem dan undang-undang pilihan raya dalam tempoh dua tahun dan menerusi kajian dilakukan di beberapa negara maju seperti Australia, Amerika Syarikat dan negara Eropah mendapati terdapat perbezaan dalam urusan pilihan raya di setiap negara tersebut," katanya.

Tan Sri Abdul Rashid berkata, terdapat 15 agenda pembaikan yang perlu dilakukan ERC meliputi sistem pilihan raya, badan pengurusan pilihan raya, persempadanan pilihan raya, pendaftaran pemilih, pendaftaran parti politik, kempen pilihan raya, pembiayaan politik, kebebasan media, perjalanan pilihan raya, tata etika calon dan parti dalam pilihan raya, pemerhati pilihan raya, pemerkasaan undang-undang pilihan raya, penubuhan kerajaan sementara (*caretaker government*), kerjasama dengan agensi dan juga pendidikan pengundi.

Dalam agenda pembaikan pertama, ERC akan memastikan kajian terhadap sistem-sistem pilihan raya yang sesuai sebagai langkah pembaikan kepada sistem '*first-past-the-post*' (FPTP) yang sedia ada, sekiranya perlu termasuk menukarkan sistem tersebut kepada sistem pilihan raya yang lain, contohnya *Modified First-Past the Post*, *Proportional Representation*, *Mix Proportional Representation* dan lain-lain sistem yang ada.

Agenda pembaikan lain adalah membuat kajian terhadap badan pengurusan pilihan raya meliputi kuasa-kuasa yang harus ada terutama dari segi penguatkuasaan, memastikan satu kerangka undang-undang yang sesuai untuk diguna pakai bagi melaksanakan tugas-tugas persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya, memastikan kaedah pendaftaran pemilih termasuk kelayakan untuk menjadi pemilih dan kaedah yang terbaik bagi penyediaan daftar pemilih yang kemas dan sempurna serta mencapai piawaian antarabangsa, mewujudkan kerangka undang-undang untuk mendaftar dan mengawal-selia parti-parti politik dan badan-badan atau pihak yang layak untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya dan mengadakan kerangka undang-undang untuk mewujudkan mekanisma bagi menjalankan kempen, kawalan kempen dan kod etika yang perlu wujud dalam pilihan raya.

Selain itu, antara lain pembaikan adalah mengkaji hal berkaitan kewangan dan perbelanjaan pilihan raya, mewujudkan kerangka undang-undang mengawal kebebasan bersuara dan peranan serta akses kepada media awam dan swasta, memastikan satu kerangka undang-undang dan penambahbaikan proses perjalanan pilihan raya wujud, mewujudkan *Code of Conduct* atau panduan tata kelakuan parti-parti politik dan calon-calon dalam musim pilihan raya, mewujudkan kerangka undang-undang meliputi urusan pemerhati pilihan raya dan memperkasakan undang-undang pilihan raya yang dilihat tidak terlalu kukuh (*gray area*).

Tan Sri Abdul Rashid juga menerangkan tentang agenda pembaikan seperti mewujudkan kerangka undang-undang berkaitan peraturan dan tatacara penubuhan kerajaan sementara selepas pembubaran Parlimen dan/atau Dewan-dewan Perundangan Negeri, mewujudkan garis panduan mengenai kerjasama dan komunikasi antara agensi semasa perjalanan pilihan raya bagi memastikan proses pilihan raya berjalan dengan sempurna dan memperkasakan pendidikan sivik dan pendidikan pilihan raya bagi memastikan tahap pemikiran dan maklumat pengundi mengenai konsep demokrasi, kepentingan menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi, serta mengetahui proses perjalanan pilihan raya adalah di tahap tinggi.

Sehubungan itu, kata beliau, ERC telah bersedia untuk mengadakan siri jelajah di seluruh negara dan bertemu masyarakat kerana penglibatan mereka sangat penting sebelum sesuatu keputusan dapat dibuat.

"Kehidupan politik adalah paling mencabar, tidak tentu arah dan tiada hala tuju, malah saya sendiri tidak nampak dengan jelas masa depan politik saya yang mungkin akan berakhir," seloroh beliau yang mengakhiri syarahan tersebut dengan sesi soal jawab.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.